

TEKS UCAPAN
YAB TAN SRI DATO' HJ MUHYIDDIN BIN HJ MOHD YASSIN
TIMBALAN PERDANA MENTERI
MERANGKAP MENTERI PELAJARAN MALAYSIA
DI MAJLIS PERUTUSAN KHAS
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA 2012
PADA 10 JANUARI 2012; PUKUL 9.00 PAGI
BERTEMPAT DI DEWAN PLENARI,
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berhormat Datuk Ir. Dr. Wee Ka Siong
Timbalan Menteri Pelajaran I;

Yang Berhormat Dr. Mohd Puad bin Zarkashi
Timbalan Menteri Pelajaran II;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Rosli bin Mohamed
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;
Yang Berbahagia Dato' Sri Abd. Ghafar bin Mahmud
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran;
Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia;

Dato'-Dato', Datin-Datin, Guru-guru, anggota kakitangan dan staf Kementerian Pelajaran Malaysia, pelajar-pelajar, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENGENALAN

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, dapatlah kita bersama-sama hadir di Majlis Perutusan Tahun Baru Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi tahun 2012. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga pendidik dan seluruh rakyat Malaysia. Kepada warga pendidik khususnya,

harapan saya semoga di tahun baru ini sinar kegemilangan dan kejayaan akan terus menerangi kehidupan kita semua yang mempunyai amanah besar untuk meningkatkan akses pendidikan berkualiti di negara kita.

2. Saya berasa bangga kerana pada hari ini seluruh warga Kementerian dari segenap pelusuk tanah air dapat berhimpun untuk memperbaharui tekad dan menyuntik semangat baru bagi melonjakkan mutu pendidikan negara. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh warga pendidik atas usaha gigih dan komitmen yang telah dicurahkan kepada usaha untuk mencipta pelbagai kejayaan dalam arena pendidikan Negara sepanjang tahun 2011.

3. Sesungguhnya, Kementerian Pelajaran adalah nadi utama dalam usaha untuk membangunkan modal insan yang akan memacu kemajuan negara di masa hadapan. Matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju amat bergantung kepada keupayaan warga Kementerian dalam menyediakan pendidikan berkualiti. Justeru, setiap warga pendidik perlu meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran serta melipat gandakan usaha bagi melahirkan modal insan yang berilmu, kreatif dan inovatif untuk mengisi keperluan masa kini dan masa hadapan. Usaha murni berterusan oleh warga pendidik dalam melahirkan modal insan yang dihasratkan akan berupaya meningkatkan daya saing negara, melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan sekaligus menjadikan negara kita sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi.

4. Sehubungan itu, Kementerian kita telah diberikan satu peruntukan yang besar iaitu sebanyak 37.28 bilion ringgit dalam belanjawan tahun 2012. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri kerana telah meluluskan peruntukan yang besar kepada Kementerian Pelajaran dan memberi keyakinan kepada kita semua sebagai pemangkin utama pembangunan modal insan di Malaysia. Saya berharap agar peruntukan ini kita belanjakan secara cekap dan berhemah agar dapat memberi kesan berganda yang positif kepada pembangunan pendidikan secara menyeluruh.

INFRASTRUKTUR DAN KEBAJIKAN

5. Bagi memastikan kelangsungan pembangunan pendidikan negara, dasar perancangan pembangunan pendidikan Rancangan Malaysia Ke-10 diteruskan dengan matlamat memantapkan infrastuktur dan meningkatkan kemudahan fizikal institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Untuk tahun 2011, Kementerian Pelajaran telah membelanjakan sejumlah 1.03 billion ringgit untuk pendidikan pra-sekolah dan rendah, 795.1 juta ringgit untuk pendidikan menengah dan 29.97 juta ringgit telah diperuntukan untuk aliran teknik dan vokasional. Sementara itu, program pembangunan luar Bandar, Sabah dan Sarawak telah menelan belanja sebanyak 525.7 juta ringgit dan sistem pengkomputeran sekolah sebanyak 22.8 juta ringgit.

6. Dalam memastikan akses pendidikan berkualiti diteruskan kepada anak bangsa,

sebanyak tiga projek infrastruktur baru dan 1,967 projek sambungan dengan peruntukan sebanyak RM4.58 bilion telah diberikan untuk tahun 2012. Pendidikan Sekolah Bantuan Kerajaan diteruskan dengan memperuntukkan belanja mengurus termasuk emolumen guru dan geran per kapita yang sama kepada semua Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT) dan sekolah mubaligh. Usaha menyelenggara sekolah-sekolah daif dan uzur di kawasan Bandar dan luar Bandar akan dilaksanakan dengan menaiktaraf dan menyelenggara 600 buah sekolah yang dikategorikan sebagai uzur dan daif oleh pihak pemantauan audit fizikal yang ditubuhkan oleh Kementerian. Sehubungan itu, peruntukan tambahan yang diperolehi bagi tahun 2012 semasa pembentangan Bajet 2012 iaitu Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah digunakan bagi usaha-usaha membaikpulih bangunan sekolah, penyelenggaraan, pembelian peralatan dan pembinaan blok tambahan. Bantuan ini juga merangkumi peruntukan sebanyak 500 juta ringgit untuk sekolah-sekolah kebangsaan, manakala 100 juta ringgit masing-masing untuk SJKC, SJKT, sekolah mubaligh dan SABK.

7. Pembangunan pendidikan dan kemajuan murid Orang Asli juga diambil perhatian berat oleh Kerajaan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menangani isu-isu pendidikan murid Orang Asli khususnya penyertaan Murid Orang Asli sama ada di peringkat sekolah rendah atau menengah. Antaranya:- (i) Meningkatkan kualiti kemudahan fizikal di sekolah sedia ada, (ii) Pelaksanaan Program Kelas Dewasa Ibu Bapa Murid Orang Asli dan Pribumi (KEDAP), (iii) Pelaksanaan Projek Rintis Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah iMurid Orang Asli dan Penan (KAP) dan (iv) Pengajaran Pedagogi Berasaskan Perspektif Pribumi. Usaha ini adalah sejajar dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan KPM yang bertujuan untuk memastikan setiap warganegara, tanpa mengira kaum dan status ekonomi, mendapat peluang pendidikan yang terbaik dari segi akses, ekuiti dan kualiti. Hasil program-program ini, Kementerian berjaya meningkatkan kemahiran 3M dan kemahiran sosial murid Orang Asli, meningkatkan jumlah murid Orang Asli yang menamatkan pendidikan sehingga peringkat menengah, iaitu peningkatan sebanyak 4 peratus pada tahun 2010, serta merapatkan jurang pendidikan bandar dan luar bandar. Dapatan yang memberangsangkan ini akan mendorong Kementerian Pelajaran untuk meneruskan program-program ini dengan lebih giat lagi agar manfaatnya dapat dinikmati secara berterusan.

8. Kerajaan sedar akan peningkatan kos sara hidup sejak akhir-akhir ini. Namun, hal ini tidak boleh dijadikan alasan untuk mengabaikan pendidikan anak-anak kita. Justeru, untuk meringankan beban kos tanggungan persekolahan, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah 530 juta ringgit untuk Bantuan Khas Awal Tahun kepada setiap murid dengan pemberian 100 ringgit seorang. Selain itu, pemberian dalam bentuk Baucer Buku bernilai 200 ringgit juga akan disalurkan kepada setiap pelajar Matrikulasi dan Tingkatan 6 dengan jumlah peruntukan sebanyak 24 juta ringgit. Keprihatinan Kerajaan menyalurkan bantuan persekolahan kepada mereka yang kurang berkemampuan diteruskan pada tahun ini dengan bantuan kepada murid miskin dengan jumlah keseluruhan peruntukan berjumlah 606 juta ringgit. Peruntukan ini meliputi Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) berjumlah 400 juta ringgit,

Rancangan Makanan Tambahan sebanyak 201.9 juta ringgit dan Bantuan Pakaian Seragam Pasukan Beruniform sebanyak 4.5 juta ringgit. Kementerian kita telah mengambil inisiatif untuk memastikan penyaluran peruntukan bantuan persekolahan dilaksanakan dengan lebih baik melalui penambahbaikan kaedah penyaluran menggunakan Sistem eBantuan. Pelaksanaan sistem ini dapat memastikan murid menerima bantuan persekolahan dengan lebih cepat dan sistematik.

9. Kita menyedari bahawa dalam dunia pendidikan di Malaysia yang pesat berkembang ini, terdapat murid yang cerdas namun tidak berpeluang untuk menggarap potensi dalam bidang akademik lantaran wujud kekangan persekitaran seperti kemiskinan keluarga, keadaan rumah yang kurang sesuai dan ketiadaan akses kepada teknologi maklumat. Oleh yang demikian, selaras dengan semangat asal penubuhan Sekolah Berasrama Penuh, iaitu untuk membantu murid-murid cemerlang terutamanya dari kalangan keluarga miskin dan luar bandar, Kementerian telah menetapkan mulai tahun 2012, kelayakan minima bagi kemasukan murid ke Tingkatan Satu di SBP untuk murid dari keluarga Miskin Tegar ialah 3A 2B dalam Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Dalam pemilihan untuk kemasukan ke tingkatan 1 SBP 2012, pihak Kementerian melalui Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan telah memilih seramai 1052 orang murid daripada golongan Miskin Tegar di seluruh negara. Dengan menyediakan pendidikan yang lebih baik kepada mereka, kita berharap murid-murid ini mampu untuk meningkatkan kecemerlangan diri dan seterusnya membantu keluarga mereka keluar daripada lingkungan kemiskinan.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

GTP NKRA

10. Sebagai Menteri Peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi Sektor Pendidikan, saya bertanggungjawab memastikan kesemua sasaran yang ditetapkan di bawah lima bidang kecil NKRA pendidikan iaitu, enrolmen pra-sekolah, program literasi dan numerasi (LINUS), sekolah berprestasi tinggi (SBT), tawaran baru ataupun Ba'iah untuk pengetua dan guru besar dan program penambahbaikan sekolah dapat dicapai. Sukacita saya ingin maklumkan di sini bahawa sasaran untuk kesemua sub-NKRA tersebut telah melepasi sasaran 2011. Kita telah berjaya meningkatkan enrolmen pra-sekolah kepada 76.3 peratus, 97.5 peratus murid telah menguasai kemahiran literasi dan 96.8 peratus menguasai kemahiran numerasi, 52 buah sekolah telah dinobatkan sebagai sekolah berprestasi tinggi dan 304 buah sekolah berjaya melonjakkan prestasi di bawah Program Pembangunan Sekolah. Oleh kerana tahun ini adalah tahun terakhir untuk kita mencapai kesemua sasaran NKRA Pendidikan, saya berharap agar semua warga pendidik dapat melipatgandakan usaha untuk memastikan semua sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai. Saya yakin dengan semangat dan iltizam semua pihak, serta dengan izin Allah s.w.t., kita mampu untuk melakukannya.

11. Selain itu, Program Sekolah Amanah yang dilancarkan pada akhir 2010 di

bawah usaha sama awam-swasta Khazanah Nasional Berhad melalui Yayasan AMIR dan Kementerian Pelajaran Malaysia merangkumi 10 buah sekolah rintis di Johor dan Sarawak telah menunjukkan hasil yang memberangsangkan. Walaupun baru setahun dilaksanakan, program ini telah mula menampakkan kesan yang positif. Antaranya, otonomi pengurusan telah menyebabkan pengurusan kewangan sekolah menjadi lebih teratur, fleksibel dan efektif; kaedah pedagogi terkini yang seiring dengan kehendak KSSR telah dapat dilaksanakan dengan baik dan penyertaan ibu-bapa serta komuniti dalam proses pembelajaran murid juga telah meningkat. Di samping itu, murid-murid Tahun 1 dan 2 yang mengikuti Program Sekolah Amanah juga menampakkan keyakinan diri yang lebih kental berbanding mereka yang berada di tahap persekolahan yang lebih tinggi. Berdasarkan pencapaian yang positif ini, saya berharap lebih banyak lagi sekolah yang dapat menyertai Program Sekolah Amanah dengan sokongan berterusan daripada pihak swasta.

MEMARTABATKAN BAHASA MALAYSIA DAN MEMPERKUKUH BAHASA INGGERIS (MBMMBI)

12. Penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid juga diberikan perhatian khusus oleh pihak Kementerian. Melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI), Kementerian sedang mengambil beberapa inisiatif baru yang lebih berkesan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan murid. Antara inisiatif tersebut adalah penambahan masa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris, penambahbaikan kurikulum Bahasa Inggeris di bawah pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), penyediaan guru-guru terlatih dalam bidang bahasa Inggeris, pengambilan penutur jati bagi meningkatkan kapasiti pensyarah dan guru Bahasa Inggeris dan penyediaan bahan sokongan yang berkualiti seperti bahan bacaan tambahan dan bahan digital bagi menyokong pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Selain itu, dasar soft-landing PPSMI juga sedang dilaksanakan untuk memastikan pembelajaran kohort murid PPSMI sedia ada tidak terjejas.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

PENCAPAIAN AKADEMIK DAN KEMENJADIAN MURID

13. Dari segi pencapaian akademik, kita telah menyaksikan peningkatan pencapaian murid dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2011. Pencapaian keseluruhan calon UPSR dan PMR meningkat dan merupakan yang terbaik dalam empat tahun mengikut Gred Purata Nasional. Untuk itu, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada warga pendidik, para ibu bapa dan pelajar atas kejayaan cemerlang ini. Saya berharap pada tahun ini, pencapaian calon UPSR dan PMR yang mendapat kelulusan penuh dapat menunjukkan peningkatan yang lebih memberangsangkan lagi.

14. Selain menitikberatkan pencapaian akademik, Kementerian juga memberikan penekanan kepada pelaksanaan aktiviti kokurikulum dan sukan. Aktiviti luaran ini adalah penting untuk menggarap sahsiah dan kemahiran sendiri pelajar dalam membentuk modal insan yang seimbang. Pelancaran Dasar 1Murid 1Sukan yang telah disempurnakan pada 2 Julai 2011 merupakan salah satu tunggak dalam membudayakan sukan di kalangan murid. Selain itu, penubuhan IPG kebitaraan sukan Raja Melewar di Negeri Sembilan merupakan satu permulaan ke arah meningkatkan profesionalisme latihan kesukanan di kalangan guru-guru pelatih.

15. Tahun 2011 telah memperlihatkan kejayaan pelajar-pelajar kita mencapai kecemerlangan dalam bidang sukan, seni dan kokurikulum di peringkat antarabangsa. Atlet murid kita telah memenangi Pingat Acara Individu dan Berpasukan di beberapa acara sukan seperti Piala Dunia Memanah di Shanghai, China, temasya Sukan Komanwel Remaja ke-4 2011 di Isle of Man dan Kejohanan Sukan SEA ke-26. Murid kita juga tidak kurang hebatnya dalam bidang reka cipta inovasi dengan mewakili negara di peringkat antarabangsa di Inova 2011, 36th International Invention Show, Zagreb Fair, Croatia.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH

16. Kementerian juga melihat bahawa satu sistem pentaksiran yang lebih holistik adalah penting bagi membolehkan potensi murid dikenalpasti dan digarap secara menyeluruh. Justeru, Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang merupakan satu penambahbaikan terhadap sistem pentaksiran pendidikan kebangsaan telah dilaksanakan secara berperingkat mulai Tahun 1, 2011. Pada tahun 2012, Pentaksiran Berasaskan Sekolah melibatkan guru dan murid Tahun 2 di sekolah rendah dan Tingkatan 1 di sekolah menengah. Transformasi Pentaksiran Pendidikan melalui PBS membawa kepada penghijrahan daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran yang lebih holistik, bersepadu dan seimbang. Pentaksiran yang dijalankan secara berterusan untuk mengesan dan memantau perkembangan dan pencapaian murid dalam pembelajaran diharapkan mampu mencungkil potensi dan bakat murid dalam pelbagai bidang selain bidang akademik. Harapan saya, melalui sistem pentaksiran baru ini murid-murid berpeluang untuk meningkatkan potensi diri secara menyeluruh dan menjadi lebih kreatif dan inovatif dengan bimbingan secara berterusan oleh guru.

TRANSFORMASI TVET

17. Selain itu, transformasi sistem pendidikan turut dilakukan dengan memberi tumpuan kepada pelaksanaan dan keupayaan penyampaian agar terus relevan dengan tuntutan semasa dengan membuat perubahan pada hala tuju pendidikan vokasional dan teknikal. Pada minggu lalu saya telah melancarkan pelan transformasi pendidikan

teknikal dan vokasional. Di samping strategi dan tindakan yang telah digariskan dalam pelan transformasi pendidikan teknikal dan vokasional, pihak industri, sektor swasta dan agensi-agensi berkaitan akan turut berperanan menaikkan status dan mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan vokasional seperti di negara-negara maju dan serantau yang lain.

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI DALAM PENDIDIKAN

18. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran telah melancarkan Dasar Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan pada tahun lalu. Melalui dasar ini, kerajaan mensasarkan untuk memperluaskan capaian jalur lebar di sekolah-sekolah di seluruh negara dan menyediakan persekitaran pembelajaran maya kepada semua murid. Konsep persekitaran pembelajaran maya ini dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran serta memperkukuh sistem pengurusan maklumat berkaitan pendidikan di sekolah-sekolah di seluruh negara. Sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 200 sekolah sudah siap dipasang capaian jalur lebar manakala sehingga April 2012 sebanyak 1052 sekolah lagi akan siap dipasang. Menjelang akhir 2012 sebanyak 7902 sekolah di seluruh negara dijangkakan mendapat perkhidmatan jalur lebar dan melaksanakan konsep persekitaran pembelajaran maya. Pemasangan capaian jalur lebar untuk semua sekolah dijadualkan siap sepenuhnya menjelang Mac 2013.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

PENAMBAHBAIKAN PERKHIDMATAN DAN PROFESION KEGURUAN

19. Sepanjang tahun lalu, saya telah meluangkan masa untuk bertemu dan berdialog dengan guru-guru di seluruh negara. Saya juga telah bertemu dengan kesatuan-kesatuan guru bagi untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan tugas sebagai pendidik. Dalam siri pertemuan ini, antara perkara yang sering dibangkitkan ialah soal kebajikan guru, terutamanya tentang sistem saraan dan prospek kemajuan kerjaya. Saya mengambil perhatian yang berat mengenai perkara ini dan telah berbincang dengan YAB Perdana Menteri serta Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mencari jalan bagaimana profesion keguruan dapat kita mantapkan lagi dengan menambahbaik sistem saraan dan peluang kenaikan pangkat bagi guru-guru. Alhamdulillah, pandangan guru-guru dan kesatuan telah diambil kira oleh kerajaan. Hasilnya, pengumuman pertama mengenai penambahbaikan perkhidmatan keguruan telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri semasa sambutan Hari Guru pada tahun lalu. Kemudiannya, beberapa penambahbaikan tambahan telah dimasukkan dalam Sistem Saraan Baru Perkhidmatan Awam (SBPA) yang mula dilaksanakan pada tahun ini.

20. Di bawah SBPA, kerajaan memberikan penekanan kepada peningkatan kualiti

dalam perkhidmatan yang merangkumi: (i) peluang kenaikan pangkat yang cepat berdasarkan kecekapan dan prestasi; (ii) peningkatan pembangunan profesional secara berterusan; dan (iii) pelaksanaan kaedah pengurusan prestasi yang lebih mantap. Saya berharap agar semua pihak bersikap terbuka dalam menerima penambahbaikan dan pelbagai faedah yang terdapat dalam skim baru ini di samping mempertingkatkan kualiti kerja masing-masing.

21. Selaras dengan hasrat memartabatkan profesion keguruan, KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru telah menyediakan bantuan yuran pengajian kepada guru-guru untuk menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Infrastruktur Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) juga ditingkatkan dengan menaiktaraf infrastruktur sedia ada untuk menyediakan kemudahan yang lebih baik dan persekitaran yang lebih kondusif kepada bakal-bakal guru dalam mengikuti latihan perguruan.

22. Transformasi dalam pendidikan guru turut dilaksanakan bagi memastikan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif digunakan dalam pembelajaran dan pengajaran. Untuk itu, Institut Pendidikan Guru telah mengambil inisiatif menyemak dan menggubal kurikulum pendidikan guru dengan melaksanakan pedagogi dan pendekatan yang lebih kreatif dan inovatif merentas kurikulum sedia ada. Pendekatan aplikasi seni dalam pendidikan dan pengaplikasian alat kemahiran berfikir dalam aktiviti pembelajaran dan penyelesaian masalah digunakan untuk mencetus daya kreativiti dan inovasi pelatih guru bagi membentuk minda kreatif murid.

23. Kementerian juga bekerjasama dengan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) dalam melaksanakan projek rintis i-THINK (Thinking Schools) di 10 buah sekolah terpilih di seluruh negara dan menjalin usahasama dengan World Wide Fund for Nature (WWF) Malaysia bagi melahirkan IPG Lestari melalui penggunaan kaedah yang inovatif dalam meningkatkan kesedaran pemeliharaan alam sekitar dan budaya 'hijau'. Selain itu, kolaborasi dengan Petrosains dijalankan bagi membolehkan pendedahan dan pengamalan kaedah inkuiri penemuan dalam pengajaran mata pelajaran sains dan matematik. Jalinan kerjasama yang dibuat dengan agensi-agensinya tersebut adalah bagi memantapkan lagi komitmen melahirkan guru yang boleh menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang interaktif.

Saudara dan saudari yang saya hormati,

PENILAIAN SEMULA SISTEM PENDIDIKAN NEGARA DAN INOVASI

24. Walaupun sistem pendidikan kita telah banyak menyumbang kepada kemajuan dan kemakmuran negara selama ini, kita perlu mengakui bahawa penambahbaikan berterusan diperlukan jika kita ingin melihat mutu pendidikan di negara kita setanding dengan pendidikan di negara-negara maju. Untuk itu, kajian semula sistem pendidikan secara menyeluruh sedang dilaksanakan dengan tujuan untuk (i) memahami garis dasar

pencapaian dan membangunkan fakta asas berdasarkan cabaran sistem sekolah Malaysia dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan standard dan merapatkan jurang pencapaian; (ii) mengiktiraf kejayaan dan kemajuan yang dicapai; (iii) menterjemahkan penilaian kepada halatuju masa depan sistem pendidikan; dan (iv) menyokong transformasi Kementerian Pelajaran.

27. Bagi fasa pertama, penilaian sistem dilaksanakan dengan menubuhkan Panel Penilai Bebas tempatan dan antarabangsa bertujuan untuk memberi input dan panduan dalam penilaian tersebut. Panel yang dilantik membantu proses penilaian dengan menyediakan khidmat kepakaran dan nasihat serta mendapatkan pelbagai pandangan dan perspektif yang luas mengenai sistem pendidikan negara. Dalam menyokong penilaian ini, bantuan kepakaran juga diperolehi daripada UNESCO melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman Kajian Semula Dasar Pendidikan Malaysia yang ditandatangani pada 18 Disember 2011. Adalah dijangkakan Laporan Penilaian dan Halatuju Sistem Pendidikan Negara yang lengkap akan dibentangkan sebelum akhir tahun 2012.

25. Pada masa yang sama, Malaysia turut bekerjasama dengan UNESCO untuk membantu negara-negara kurang membangun termasuk Negara-negara kepulauan kecil dan Negara-negara Afrika bagi mencapai sasaran EFA dengan menandatangani Memorandum Persefahaman Malaysia-UNESCO Cooperation Programme (MUCP) pada 15 November 2011. Saya berharap kerjasama yang dijalinan dengan anggota-anggota UNESCO secara tidak langsung dapat memantap dan meletakkan pendidikan negara kita di tahap yang membanggakan serta bertaraf antarabangsa.

26. Kerajaan percaya dengan program-program dan inisiatif yang telah disebutkan tadi, sistem pendidikan kita dapat melahirkan generasi rakyat Malaysia yang inovatif, kreatif dan mampu melonjakkan negara menjadi pemimpin di persada antarabangsa dalam bidang pendidikan. Semua ini memerlukan cetusan inovasi yang mampu meningkatkan daya saing negara, menjana ilmu dan mensejahterakan rakyat.

29. Memandangkan gerakan inovasi di Malaysia masih lagi di umur muda, Kementerian menyahut seruan Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran dan memupuk budaya inovasi di kalangan warga KPM dengan melaksanakan Tahun Inovasi KPM 2012 bertemakan Mengungguli Modal Insan: Mencerna Kreativiti, Mencetus Inovasi. Inovasi dan kreativiti tidak hanya disarankan kepada murid sekolah dan institusi pendidikan sahaja malah melibatkan keseluruhan warga KPM di peringkat kumpulan premier, kumpulan pengurusan dan professional serta kumpulan pelaksana supaya rangkaian nilai pendidikan negara boleh dianjak ke satu tahap yang lebih tinggi.

30. Bagi menyokong inisiatif pelaksanaan Tahun Inovasi KPM 2012, pelbagai program dan aktiviti inovasi akan dilaksanakan sepanjang tahun ini melibatkan seluruh warga Kementerian Pelajaran. Saya berharap warga KPM akan memberi sumbangan dan sokongan padu terhadap aktiviti-aktiviti tersebut selain meneruskan sumbangan

cetusan idea kreatif bagi mengarusperdanakan peningkatan budaya inovasi.
Saudara dan saudari yang saya hormati,

PENUTUP

31. Cabaran yang bakal kita hadapi sepanjang tahun 2012 ini amat kritikal kepada kejayaan kita sebagai warga pendidik untuk mencapai sepenuhnya sasaran-sasaran yang telah ditetapkan di bawah NKRA pendidikan. Selain itu, pelaksanaan dasar-dasar baru seperti Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Teknologi Maklumat dan Komunikasi Dalam Pendidikan

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua warga pendidik yang telah berusaha memerah keringat dalam menjayakan pelbagai program pendidikan pada tahun 2011. Tanamkanlah tekad dan iltizam untuk terus mendaki puncak kejayaan. Bagi tahun 2012, saya berharap lebih banyak jalinan kerjasama dengan semua pihak dapat dibuat bagi memastikan penambahbaikan dan pemantapan sistem pendidikan negara tercapai. Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing. Marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam menjayakan matlamat menyediakan pendidikan yang berkualiti kepada rakyat dan mewujudkan sistem pendidikan bertaraf dunia di negara kita. Semoga usaha kita akan sentiasa diberkati Allah SWT dan segala perancangan kita akan berjalan dengan lancar, inshaAllah.

Wabillahi al-taufiq walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.